

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri **Mega PA Takaful - Essential**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu Mega PA Takaful - Essential?

Mega PA Takaful - Essential ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan untuk kematian, hilang upaya kekal, dan juga manfaat-manfaat lain akibat kemalangan.

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah, dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan takaful berikut:

No.	Seksyen Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)			
		Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
1	Seksyen 1 – Kematian a) Setiap dewasa b) Setiap anak	100,000 25,000	300,000 50,000	500,000 50,000	1,000,000 50,000
2	Seksyen 2 – Hilang upaya kekal (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	100,000 25,000	300,000 50,000	500,000 50,000	1,000,000 50,000
3	Seksyen 3 – Indemniti berganda sekiranya meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal semasa menaiki pengangkutan awam, atau pengangkutan awam dirampas, atau menjadi mangsa pembunuhan atau keganasan (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	100,000 25,000	300,000 50,000	500,000 50,000	1,000,000 50,000
4	Seksyen 4 – Dana pendidikan anak-anak	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	10,000 setiap anak	20,000 setiap anak
5	Seksyen 5 – Tunggakan kad kredit, rumah dan/atau sewa beli kenderaan	5,000	7,000	8,000	10,000
6	Seksyen 6 – Pendapatan tambahan untuk hilang upaya menyeluruh dan kekal	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	100,000	200,000
7	Seksyen 7 – Hilang upaya menyeluruh sementara (sehingga 24 minggu)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	1,000 setiap minggu
8	Seksyen 8 – Hilang upaya separa sementara (sehingga 24 minggu)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	500 setiap minggu
9	Seksyen 9 – Tunai ihsan	2,000	3,000	4,000	5,000

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil anda tidak melindungi:

- Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;
- Keracunan/intoksikasi dadah; atau
- Terlibat di dalam organisasi ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan kawal keselamatan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Mega PA Takaful - Essential, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih dan jenis skim. Sebagai sampel ilustrasi untuk 1 orang dewasa dengan jumlah manfaat RM500,000.00, Pelan Platinum, anda harus membayar sumbangan sebanyak:

Sumbangan Asas	RM 729.00
----------------	-----------

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Komisen Dibayar Kepada Pengantara	25% daripada sumbangan asas atau RM 182.25
-----------------------------------	--

Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan asas atau RM58.32
--------------------	---

Jumlah Fi Wakalah	60% daripada sumbangan asas atau RM 437.40
-------------------	--

Duti Setem	RM 10.00
------------	----------

Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	RM 797.32
--------------------------------	-----------

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan, dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.